

Ruj. Kami : PMS/UP/656-3 Jld.2/( 17)

Tarikh : 11 Disember 2000

Semua Ketua Jabatan Persekutuan Sabah  
Dan Wilayah Persekutuan Labuan.

Semua Ketua Badan Berkanun Persekutuan  
Sabah Dan Wilayah Persekutuan Labuan.

Pengarah Kerja Raya  
Ibu Pejabat  
Jabatan Kerja Raya Negeri Sabah  
88582 Kota Kinabalu.

Pengarah  
Jabatan Pengairan Dan Saliran Sabah  
Tingkat 5 & 6, Menara Khidmat  
Jalan Belia  
88000 Kota Kinabalu.

Pengarah  
Jabatan Pertanian Sabah  
Tingkat 5, Menara Khidmat  
Jalan Belia  
88000 Kota Kinabalu.

Pengarah  
Jabatan Tanah Dan Ukur  
88576 Kota Kinabalu.

Pengarah  
Jabatan Perhutanan  
Beg Berkunci No. 68  
90009 Sandakan.

Y. Bhg Dato'/Datuk/Tuan/Puan,

**SURAT PEKELILING PERBENDAHARAAN MALAYSIA SABAH  
BILANGAN 22 TAHUN 2000**

---

**URUSAN PEROLEHAN KERAJAAN – PENGGUNAAN ARAHAN  
PERBENDAHARAAN (AP) 55 DAN ARAHAN PERBENDAHARAAN (AP) 173.2**

---

Adalah saya menarik perhatian Y. Bhg. Dato'/Datuk/Tuan/Puan mengenai perkara yang tersebut di atas.

2. Adalah dimaklumkan bahawa di dalam pemerhatian Perbendaharaan Malaysia Sabah (PMS) mendapati masih terdapat Jabatan dan Agensi Kerajaan yang menguruskan perolehan pembekalan ataupun kerja tanpa mematuhi sepenuhnya Tatacara Kewangan yang telah ditetapkan oleh pihak Perbendaharaan. Jabatan dan Agensi Kerajaan nampaknya lebih cenderung dan sengaja menggunakan Arahan Perbendaharaan (A) 55 dan juga Arahan Perbendaharaan (AP) 173.2 sebagai alasan untuk membuat pembelian darurat ataupun menguruskan sesuatu kerja berdasarkan kepada alasan darurat serta kecemasan.

3. Disamping itu terdapat juga Jabatan dan Agensi Kerajaan yang sengaja lewat-melewatnya urusan perolehan untuk menunggu masa yang sesuai supaya dapat diuruskan perolehan berdasarkan AP 55 atau AP 173.2 di atas alasan darurat serta kecemasan supaya dapat ditawarkan bekalan/kerja terus kepada sesuatu syarikat yang telah dikenalpasti.

4. PMS berpendapat bahawa pihak Jabatan dan Agensi Kerajaan perlulah memastikan bahawa semua urusan perolehan samada pembelian ataupun kerja hendaklah disegerakan. Kecenderungan menggunakan AP 55 dan AP 173.2 wajar dielakkan memandangkan AP 55 dan AP 173.2 hanya terpakai bagi perkara-perkara **"yang perlu dibuat dengan segera dan serta merta di mana kelewatan perolehan akan memudaratkan dan menjejaskan perkhidmatan dan kepentingan awam"**. Disamping itu juga segala **"pembelian hendaklah dihadkan kepada kuantiti barang yang mencukupi untuk menampung keperluan darurat berkenaan."**

5. Adalah diharapkan pihak Y. Bhg. Datuk/Dato'/Tuan/Puan mengambil berat agar penggunaan AP 55 dan AP 173.2 bagi kes-kes yang perlu sahaja dan ianya tidak dijadikan amalan Jabatan dan Agensi Kerajaan untuk menawarkan pembelian ataupun urusan kerja tersebut terus kepada sesuatu syarikat atas alasan darurat. Di atas kerjasama Y. Bhg. Datuk/Dato'/Tuan/Puan dalam perkara ini adalah amat dihargai dan didahului dengan ucapan terima kasih.

Sekian. Terima kasih.

**" BERKHIDMAT UNTUK NEGARA "**

Saya yang menurut perintah,

T.T  
**( DATUK DR. ABDUL AZIZ BIN MOHD. ALI )**  
Pegawai Kewangan Persekutuan,  
Sabah.